

BAB 5

PENUTUP

5.1) RUMUSAN

Melayu.

Penggunaan istilah kebudayaan Melayu yang luas pada zaman silam jelas menunjukkan kekuatan pengaruh rumpun Melayu terhadap peradaban dunia Melayu. Tentang sejarah asal usul Melayu pula, tidak terdapat kata sepakat dikalangan para sejarawan mengenainya. Kini Melayu lebih mudah dikenali sebagai bangsa utama yang mendiami negara Malaysia berdasarkan kepada adat istiadat, bahasa dan agama Islam yang dianuti. Penggunaan sempit konsep Melayu ini adalah kesan langsung penjajahan Barat yang telah mewujudkan persempadanan terhadap negara-negara yang dikuasainya.

Kebudayaan Melayu.

Kebudayaan dan masyarakat merupakan dua unsur yang saling berkait antara satu sama lain kerana masyarakat yang membentuk sesuatu kebudayaan. Kebudayaan yang diamalkan oleh orang Melayu berkembang secara berperingkat-peringkat malah turut diserapi oleh pengaruh luar khususnya pengaruh daripada kebudayaan Hindu-Buddha, Islam dan kuasa Barat. Tidak dinafikan bahawa kebudayaan-kebudayaan tersebut memberi impak yang besar terhadap kebudayaan Melayu tetapi sumbangan kebudayaan yang dibawa oleh Islam adalah menyeluruh dan mendalam berbanding dengan kebudayaan lain. Islam

mengiktiraf kebudayaan sesebuah masyarakat selama mana ianya tidak bertentangan dengan nilai-nilai Islam.

Adat Melayu.

Cakupan kebudayaan adalah luas yang merangkumi di dalamnya adat. Konsep adat yang difahami oleh orang Melayu adalah berbeza dengan masyarakat Arab. Orang Melayu mengklasifikasikan adat kepada empat bahagian yang utama iaitu adat sebenar adat, adat yang teradat, adat yang diadatkan dan adat istiadat. Berasaskan pembahagian ini, ternyata penggunaan kata-kata seperti “adat menang ada kalahnya”, “biar mati anak, jangan mati adat”, “tak tahu adat” dan “adat istiadat” berlainan antara satu sama lain. Kekeliruan terhadap kefahaman sebenar mengenai kata-kata adat ini seringkali menyebabkan adat Melayu dilihat sebagai sesuatu yang ketinggalan zaman dan bertentangan dengan ajaran Islam.

Teori *al-'Urf wa al- 'Adah*.

Islam mengiktiraf adat yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat jika amalan adat tersebut menepati empat syarat khusus yang terdapat di dalam teori *al-'Urf wa al- 'Adah*. Syarat-syarat tersebut ialah adat itu tidak bertentangan dengan nas iaitu merupakan adat yang *sahīh*, adat itu hendaklah telah ada terlebih dahulu ketika hendak dilakukan tindakan itu dan ianya berterusan, adat itu hendaklah menyeluruh (غالباً) (مطربداً) dan meluas (غالباً) dan tiada suatu perkataan atau perbuatan yang secara terang menolak penggunaan adat tersebut. Pengiktirafan adat sebagai sumber hukum Islam telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. tetapi penerimaan tersebut bukan dalam konteks kedudukannya yang

tersendiri. Ini jelas dilihat pada pengakuan Rasulullah s.a.w. terhadap amalan-amalan kebiasaan orang Arab khususnya yang berkaitan dengan transaksi jualbeli.

Perubahan Islam terhadap adat Melayu.

Penggunaan konsep adat dan '*urf*' pada hakikatnya merupakan dua perkara yang sama cuma dikalangan fuqaha tertentu konsep ini dikatakan mempunyai perbezaan. Namun orang Melayu menganggap kedua-duanya mempunyai pengertian yang sama dari segi lafaz dan penggunaannya. Di awal kedatangan Islam, orang Melayu telah diserapi oleh pengaruh dari kebudayaan Hindu-Buddha. Tetapi pengaruh kebudayaan tersebut hanya dominan dalam aspek adat yang berkaitan dengan istiadat sahaja. Setelah kedatangan Islam, unsur-unsur kebudayaan asing yang telah meresapi adat Melayu kian dihapuskan secara beransur-ansur serta diselaraskan dengan kehendak Islam. Walau bagaimanapun, usaha ini tidak berjaya dihapuskan hingga ke akar umbi kerana sikap orang Melayu yang menganggap sesetengah amalan adat itu sebagai adat yang telah disesuaikan dengan citarasa Melayu walaupun pada hakikatnya ia berasal dari pengaruh kebudayaan luar.

Penerimaan adat Melayu sebagai sumber hukum.

Seringkali aspek pengiktirafan adat Melayu sebagai sumber hukum dipinggirkan khususnya dalam membicarakan tentang pengaruh Islam terhadap adat Melayu. Tanggapan sebegini muncul kerana kebanyakan adat Melayu dikatakan berkembang akibat pengaruh luaran dan bukan daripada pengaruh

setempat. Kenyataan ini bukan sahaja telah menafikan ciri keanjalan yang terdapat di dalam hukum Islam, malah ianya turut meminggirkan amalan adat masyarakat Melayu itu sendiri. Amalan adat masyarakat setempat boleh dijadikan asas penetapan hukum selama mana ianya menepati syarat-syarat teori *al-'Urf wa al-'Ādah*.

Harta sepencarian.

Konsep harta sepencarian merupakan amalan adat orang Melayu yang berkembang sejak zaman Melayu tradisional lagi. Adat pembahagian harta sepencarian merupakan adat yang *sahīh*. Ini kerana, perbincangan secara umum mengenainya bertepatan dengan firman Allah yang menekankan aspek keadilan dalam pembahagian sesuatu harta di samping menjauhi amalan mengambil harta milik orang lain secara *bātil*. Penerimaannya sebagai sumber hukum bagi orang Melayu di negara ini juga bertepatan dengan teori hukum Islam semasa. Di samping itu, masyarakat Melayu menerima sistem pembahagian harta perkahwinan berdasarkan ketetapan adat kerana ia meraikan konsep keadilan dan keadilan ini juga bersesuaian dengan asas perundangan Islam.

Harta pusaka adat.

Pembahagian harta pusaka yang melibatkan tanah kepada golongan perempuan di Negeri Sembilan sebenarnya tidak sama seperti pengertian pusaka sebagaimana yang difahami dalam Islam. Ini kerana, pemilikan harta pusaka di Negeri Sembilan lebih merupakan harta milik bersama bukannya harta milik

persendirian yang kebetulan hanya dikhususkan kepada orang perempuan untuk menjaganya. Sehubungan itu, hak pemilikan adalah elemen utama yang membezakan sistem adat ini dengan pusaka dalam Islam. Pendekatan terhadap amalan pembahagian tanah adat kepada golongan perempuan di Negeri Sembilan seharusnya dirujuk berdasarkan konsep wakaf khas yang telah diterima pakai dalam hukum *fiqh* Islam. Pengiktirafan undang-undang yang diberikan kepadanya juga merupakan bukti penerimaan adat ini tidak menyalahi hukum Islam dan perlaksanaannya perlu dikekalkan sebagai menghargai warisan adat Melayu.

Penggandaan hantaran.

Adat pertunangan orang Melayu banyak dimasuki oleh unsur-unsur luar, namun unsur luar yang bertentangan dengan ajaran Islam semakin hari kian terhapus. Hukum *fiqh* Islam telah menerangkan secara terperinci berkaitan dengan pemulangan barang semasa pertunangan diputuskan. Amalan putus tunang yang diamalkan oleh orang Melayu pada hari ini lebih menepati pendapat mazhab Maliki yang mengambil kira pihak mana yang memutuskan pertunangan tersebut. Namun begitu, dalam soal penggandaan barang pula adalah semata-mata berdasarkan kehendak adat. Amalan ini walaupun tidak dinyatakan hukum tentangnya tetapi masih diamalkan.

Penggandaan yang diamalkan ini jika diperhatikan dari satu sudut akan mendatangkan bebanan kepada sebelah pihak dan ini menunjukkan berlakunya ketidakadilan. Ia bertentangan dengan asas umum perundangan Islam yang menegaskan “tidak boleh membuat mudarat kepada diri sendiri dan tidak boleh

memuat mudarat kepada orang lain". Walaupun begitu, pihak-pihak yang terlibat tidak menganggapnya sebagai suatu yang membebankan kerana ianya telah dipersetujui terlebih dahulu semasa berlangsungnya majlis pertunangan. Oleh yang demikian, amalan adat ini bersesuaian dengan prinsip umum perundangan Islam dan ianya layak untuk dijadikan sumber penentuan hukum Islam yang berkaitan dengan putus tunang.

Pawah.

Amalan pawah yang diamalkan oleh orang Melayu pada hari ini merupakan amalan adat yang diwarisi dari generasi terdahulu. Matlamat utama amalan ini adalah untuk membolehkan kedua-dua pihak yang terlibat memperolehi keuntungan yang sama rata tanpa wujudnya unsur-unsur penipuan, khianat dan sebagainya. Usaha ini juga dapat menjamin hubungan rapat diantara pihak pemilik tanah atau haiwan dengan pengusaha. Amalan pawah mempunyai persamaan dengan amalan *al-muzāra'ah* dan *al-musāqāh* yang dibenarkan dalam sistem *fiqh* Islam. Penggunaan kaedah *qiyās* terhadap kedua-dua amalan ini jelas menunjukkan persamaan yang nyata kerana kedua-duanya melibatkan pemilik dan pengusaha di samping pembahagian keuntungan secara sama rata.

5.2) KESIMPULAN

Hukum Islam telah mengiktiraf adat sebagai sumber hukum tambahan dalam perundangan Islam melalui empat syarat yang terdapat dalam teori *al-'Urf wa al- 'Ādah*. Penetapan hukum berdasarkan adat dan 'urf ini sentiasa terdedah

kepada perubahan kerana ianya banyak dipengaruhi oleh corak kefahaman di samping pengaruh oleh suasana semasa dan setempat. Penerimaan sebahagian besar adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu seperti adat pembahagian harta sepencarian, pembahagian tanah adat, amalan penggandaan barang hantaran bagi pihak perempuan yang memutuskan ikatan pertunangan dan sistem pawah jelas menunjukkan Islam meraikan perkembangan semasa dan setempat sesebuah masyarakat. Ia juga menjadi faktor utama yang membolehkan ajaran Islam disebarluaskan dengan meluas untuk pelbagai kebudayaan masyarakat. Sehubungan itu, penerimaan fuqaha tempatan terhadap amalan adat Melayu ini bersesuaian dengan kerangka teori dan hipotesis awal mengenai kajian ini.

5.3) CADANGAN

5.3.1) Pengkajian tentang adat-adat yang diamalkan oleh orang Melayu hendaklah sentiasa diselidiki dan diperhalusi agar ianya selaras dengan prinsip-prinsip Islam.

5.3.2) Fuqaha tempatan hendaklah berperanan lebih aktif dalam usaha menentang gejala-gejala negatif yang masih lagi terkandung dalam adat yang diamalkan oleh orang Melayu. Ketiadaan usaha ini akan menyebabkan masyarakat Melayu terus leka dan menyanjung adat-adat tersebut.

5.3.3) Memperbanyak penulisan yang berkaitan dengan adat Melayu agar penulisan tersebut akan memberi impak dan sumbangan yang besar terhadap kefahaman sebenar tentang adat orang Melayu.

5.3.4) Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu hendaklah memainkan peranan yang lebih jelas dalam hal-hal yang berkaitan dengan adat Melayu terutamanya amalan adat istiadat dikalangan masyarakat Melayu kini.

5.3.5) Amalan adat Melayu yang masih diamalkan masa kini hendaklah dirujuk perlaksanaannya berdasarkan teori *al-'Urf wa al-'Adah* agar ianya menepati ciri-ciri adat yang diiktiraf dalam perundangan Islam.